

Peranan Anak Lelaki Sebagai Penjaga Utama Warga Tua Melayu di Luar Bandar: Kajian Kes di Daerah Jerantut, Pahang

The Role of Sons as the Guardian for the Elderly in Rural Areas: A Case Study in Jerantut, Pahang

Nik Norliati Fitri Md Nor*, Suriati Ghazali
Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 Minden, Pulau Pinang.
*e-mel: nik_norliati@yahoo.com

Abstrak

Taraf kesihatan yang semakin baik membawa kepada meningkatnya jangka hayat dan bilangan warga tua di Malaysia. Artikel ini meninjau tentang satu aspek spesifik berkaitan pengaturan kehidupan warga tua Melayu, iaitu kecenderungan memilih untuk tinggal dengan anak lelaki berbanding tinggal dengan anak perempuan. Dengan menggunakan kawasan luar bandar dan pinggir bandar di daerah Jerantut, Pahang sebagai kajian kes, artikel ini akan mengkaji peranan anak lelaki sebagai penjaga utama warga tua, terutama warga tua yang uzur dan terlantar sakit; dan juga anak lelaki sebagai sumber kewangan yang diharapkan oleh warga tua. Kajian ini melibatkan 54 warga tua Melayu yang berumur 60 tahun dan ke atas terdiri daripada pelbagai latar belakang ekonomi. Warga tua yang tinggal bersama anak lelaki berkahwin, sama ada tinggal di rumah mereka (warga tua) atau berhijrah ke rumah anak lelaki mereka, akan dipilih sebagai responden kajian. Maklumat telah dikumpul menggunakan borang kaji selidik dan dianalisis dengan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS). Hasil kajian menunjukkan warga tua wanita lebih cenderung untuk tinggal dengan anak lelaki dewasa (anak lelaki sulung) manakala warga tua lelaki lebih cenderung untuk tinggal dengan anak lelaki bongsu. Kajian juga mendapati anak lelaki memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal penjagaan kesihatan warga tua termasuk mendapatkan rawatan di hospital. Kajian ini memberi sumbangan kepada pengetahuan tentang peranan penting anak lelaki dalam menjaga hal ehwal warga tua yang belum banyak dibincangkan dalam kajian terdahulu. Sokongan yang diperoleh daripada anak lelaki merupakan petunjuk penting dalam mengurangkan perasaan kesunyian dan seterusnya membawa kepada kesejahteraan warga tua yang tinggal di kawasan luar bandar.

Kata Kunci anak lelaki, warga tua Melayu, luar bandar, Pahang

Abstract

An improved health status has lead to increased life expectancy and number of older people in Malaysia. This article explores specific aspects related to living arrangements among the elderly Malays namely inclination to stay with their sons as compared to their daughters. By using the rural and suburb areas of Jerantut, Pahang as a case study, this article examined the role of the son as the primary caregiver of the elderly, especially those who are sick and bedridden; and also sons as financial resources expected by the elderly. The study involved 54 elderly Malays aged 60 years and above from different economic backgrounds. The elderly, who live with their married son, whether in the home of the elderly or in the home of their son, will be selected as respondents. Information were collected using questionnaires and were analyzed using Statistical Package of Social Science (SPSS). The study shows that elderly women are more likely to live with adult son (eldest son), while elderly men are more likely to stay with the youngest son. The study also found that sons play a key role in managing the affairs of the elderly health care, including treatment in hospital. This study contributes to the knowledge of the important role of sons in taking care of the affairs of the elderly, which is rarely discussed in previous studies. Support obtained from the son is an important indicator in reducing loneliness and thus led to the welfare of the elderly who live in rural areas.

Keywords son, elderly Malay, rural area, Pahang

PENGENALAN

Apabila warga tua semakin ramai, semakin banyak sokongan diperlukan daripada keluarga dan masyarakat. Sokongan yang diperlukan dalam aspek sosial dan ekonomi; termasuk pendapatan,

penjagaan, perumahan dan pengaturan kehidupan. Ahli keluarga terutama anak-anak merupakan sumber penjagaan utama yang diharapkan oleh ibu bapa apabila mereka tua. Di negara membangun seperti Thailand, Filipina dan India anak dewasa merupakan penjaga utama dan sumber sokongan warga tua. Ahli keluarga terutamanya anak-anak merupakan pihak yang sewajarnya memberikan kasih sayang dan penjagaan kepada warga tua selain masyarakat sekitar; manakala kerajaan pula berperanan menyalurkan bantuan yang diperlukan mereka (Wan Ibrahim & Zainab, 2010). Ahli keluarga juga digelar sebagai “teras sokongan” kerana berperanan penting sebagai sokongan utama bagi warga tua yang berumur 80 tahun dan ke atas (Wu & Schimmele, 2008). Menjadi tanggungjawab ahli keluarga untuk mengambil berat kebajikan warga tua (Mai, Naderi, & Schimany, 2008). Sokongan dan bantuan kewangan daripada anak-anak adalah faktor terpenting dalam pengaturan kehidupan warga tua. Perkembangan terbaharu pengaturan kehidupan warga tua menunjukkan anak-anak tidak menyediakan sokongan yang diperlukan oleh warga tua dan tentunya menimbulkan kesukaran warga tua yang tidak mempunyai simpanan atau sumber kewangan yang tetap untuk meneruskan hidup.

KAJIAN LITERATUR

Sokongan yang perlu diberikan kepada warga tua melibatkan sokongan ekonomi, sokongan fizikal (Mason, 1992) dan sokongan sosial (Tan, 1992). Sokongan ekonomi, sosial dan fizikal terdiri daripada menyediakan makanan, menguruskan diri, menyediakan pengangkutan seperti membawa warga tua ke klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan, menyediakan bantuan kewangan, berbincang, berbual-bual dan juga memberikan kasih sayang kepada warga tua (Rittirong, Prasartkul, & Rindfuss, 2014). Warga tua yang tinggal dengan anak atas dua sebab iaitu sama ada mereka sakit atau lemah untuk menjaga diri mereka sendiri atau mereka tidak mampu untuk tinggal di rumah mereka sendiri (Rugless, 2001). Dikatakan lebih ramai warga tua yang tinggal dengan anak kerana sakit dan kebanyakan mereka yang tinggal sendiri kerana mereka sihat. Menurut Nugent dan Gillaspay (1983), mempunyai anak adalah sesuatu yang penting.

Warga tua yang tinggal dengan anak terutamanya dengan anak yang dewasa tidak perlu bimbang dengan status ekonomi dan sebagainya kerana mempunyai anak yang menjaga mereka (Wan Ibrahim & Zainab, 2014). Selain faktor kesihatan, terdapat juga warga tua yang lemah dari segi status ekonomi atau dengan kata lain tidak mempunyai sumber pendapatan terpaksa tinggal dengan anak-anak dan mereka terpaksa akur dengan pilihan untuk tinggal bersama anak-anak (Sereny, 2011). Kajian Glaser (1997) di United Kingdom menunjukkan terdapatnya perkaitan yang signifikan antara pendapatan dan juga penentuan pengaturan seseorang warga tua berkenaan. Daripada 41 peratus warga tua terdapat 14.6 peratus atau 6 warga tua yang tinggal di rumah anak, ianya terdiri daripada lima orang warga tua wanita, manakala hanya seorang sahaja bagi warga tua lelaki.

Bagi warga tua di Hong Kong mereka lebih cenderung untuk tinggal bersama anak terutamanya tinggal dengan anak lelaki dewasa walaupun anak lelaki berkenaan telah berkahwin (Chow, 2000). Bagi warga tua di Brazil, mereka lebih cenderung untuk tinggal dengan anak perempuan dewasa berbanding tinggal dengan anak lelaki dewasa. Kajian di Malaysia pula menunjukkan anak perempuan dewasa dikatakan sebagai penjaga utama bagi warga tua berbanding anak dewasa lelaki (Khadijah & Rahim, 2010). Bagi warga tua di Filipina pula, mereka lebih cenderung untuk tinggal dengan anak lelaki berbanding anak perempuan dan lebih suka tinggal dengan anak yang belum berkahwin (Domingo & Casterline, 1992).

Kajian di China mendapati anak-anak yang paling dewasa merupakan sumber utama sokongan bagi warga tua di China dan juga anak lelaki tua di China harus tinggal bersama sehingga akhir hayat ibu bapa mereka (Li & Qiang, 2007). Kajian di Malaysia seperti Wan Norsiah (2000) serta DaVanzo dan Angelique (1994) mendapati kaum Melayu lebih cenderung untuk tinggal bersama anak dan anak lelaki dewasa lebih cenderung untuk tinggal bersama ibu bapa mereka berbanding wanita yang terpaksa mengikut suami apabila telah berkahwin. Menurut Dahlan, Nicol dan Maciver, (2010), warga tua di Malaysia masih lagi dihormati dan dijaga oleh keluarga terutamanya anak-anak.

Pengaturan kehidupan warga tua yang tinggal dengan anak mempunyai matlamat yang berbeza. Kajian di Pulau Pinang menunjukkan warga tua yang tinggal di rumah anak seperti di Pulau Pinang berperanan pula sebagai penjaga kepada cucu-cucu mereka apabila ibu bapa anak-anak berkenaan keluar

mencari rezeki (Suriati, 2002). Cucu yang dijaga oleh datuk atau nenek mereka dikatakan lebih terjamin keselamatan berbanding dijaga pengasuh serta dapat mengelakkan daripada membayar kos yang mahal kepada pengasuh. Selain itu, datuk dan nenek juga berperanan sebagai tempat bermanja bagi cucu apabila tinggal bersama (Khadijah, 2012). Keadaan ini membolehkan mereka meluangkan masa bersama apabila ibu bapa anak-anak berkenaan keluar bekerja. Warga tua yang tinggal dengan anak juga dapat menjimatkan kos sara hidup seperti perbelanjaan harian membeli makanan dan keperluan harian lain (DaVanzo & Angelique, 1994).

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas yang tinggal dengan anak lelaki di kawasan luar bandar daerah Jerantut, Pahang. Daerah Jerantut dipilih kerana merupakan daerah terbesar di negeri Pahang (Rajah 1). Daerah Jerantut mempunyai keluasan iaitu 720,760.36 hektar dan terdiri daripada sepuluh mukim serta 231 buah kampung (Pejabat Tanah dan Daerah Jerantut, 2013). Daerah Jerantut mempunyai penduduk seramai 65,335 orang dan sebanyak 8,472 adalah yang berumur 60 tahun ke atas pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Perbincangan artikel ini hanya memfokuskan warga tua yang tinggal dengan anak lelaki sama ada anak lelaki dewasa atau anak lelaki bongsu. Warga tua yang tinggal dengan anak lelaki merupakan salah satu corak pengaturan kehidupan warga tua di daerah Jerantut, Pahang. Ciri-ciri responden yang dikaji ialah entik Melayu yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi dan tahap kesihatan. Daripada 327 warga tua yang dikaji dalam kajian sebelumnya, terdapat pelbagai corak pengaturan kehidupan iaitu sama ada tinggal seorang diri, tinggal dengan pasangan (suami/ isteri), tinggal dengan anak dan juga tinggal dengan ahli keluarga yang lain. Walau bagaimanapun, artikel ini memfokuskan hanya 54 warga tua yang tinggal dengan anak lelaki sama ada tinggal di rumah mereka sendiri atau tinggal di rumah anak di daerah Jerantut, Pahang.

Pengumpulan data melibatkan pengumpulan data primer dan sekunder. Pengumpulan data primer adalah dengan menggunakan borang kaji selidik. Borang kaji selidik yang dibina mengandungi lapan bahagian antaranya ialah latar belakang responden, maklumat taraf pendidikan, maklumat pekerjaan dan sumber pendapatan, tahap kesihatan dan kemudahan rawatan, maklumat mengenai anak-anak, maklumat mengenai isi rumah dan pengaturan kehidupan warga tua, maklumat hubungan sosial, aktiviti harian, kemudahan untuk warga tua. Penerangan lanjut juga diperoleh daripada anak-anak terutamanya bagi anak-anak yang tinggal bersama ibu bapa mereka yang berperanan sebagai penjaga serta menguruskan ibu bapa yang keuzuran dan terlantar sakit. Temu bual juga dijalankan dengan menantu lelaki atau perempuan yang tinggal bersama-sama dan menguruskan ibu bapa mertua. Ia bagi melengkapkan maklumat berkenaan sokongan keluarga serta bantuan kewangan. Terdapat juga warga tua yang kurang memahami soalan yang diajukan, justeru itu anak amat berperanan penting bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Selain itu, kajian ini juga mendapatkan maklumat daripada ketua-ketua kampung di kawasan yang terlibat bagi mendapatkan lebih maklumat mengenai warga tua yang mendiami kawasan terbabit iaitu dari segi maklumat diri, tempat tinggal, kesihatan dan pekerjaan. Pengumpulan data sekunder melibatkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) iaitu data mengenai statistik pertambahan warga tua, taburan warga tua mengikut kawasan dan taburan warga tua mengikut status sosioekonomi di Malaysia. Maklumat berkaitan isu-isu penuaan, pengaturan kehidupan dan penjagaan kesihatan diperoleh daripada buku dan jurnal.

Kajian yang dilakukan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Bagi mengenal pasti warga tua Melayu yang berumur 60 tahun dan ke atas, kajian ini telah mendapatkan maklumat peribadi warga tua daripada ketua kampung. Justeru itu, pengkaji telah menyenaraikan semua rumah yang didiami warga tua. Setiap nama yang diperoleh dinomborkan di atas kertas untuk tujuan cabutan. Nombor yang diperoleh hasil daripada cabutan tersebut berperanan sebagai responden warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi seperti pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan tahap kesihatan.



Rajah 1 Peta negeri Pahang mengikut daerah

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Sosio Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan sosio demografi warga tua yang tinggal dengan anak lelaki merangkumi jantina, kumpulan umur, status perkahwinan, taraf pendidikan, pekerjaan dan juga tahap kesihatan (Jadual 1). Kajian dijalankan melibatkan 54 warga tua yang tinggal dengan anak lelaki, iaitu 35.2 peratus warga tua lelaki, manakala 64.8 peratus warga tua wanita. Statistik berkenaan menunjukkan jumlah warga tua wanita yang lebih ramai berbanding warga tua lelaki. Menurut United Nations (2001) jumlah warga tua wanita sememangnya melebihi jumlah warga tua lelaki terutamanya bagi kumpulan umur 60-64 tahun dan akan berterusan pada masa akan datang. Kebanyakan responden atau 38.9 peratus (21 warga tua) berumur antara 60-64 tahun, dan mempunyai pasangan (suami/ isteri) sebanyak 33.3 peratus. Lebih separuh atau 79.6 peratus (43 warga tua) yang tidak pernah bersekolah dan buta huruf, dan kebanyakan mereka sudah tidak bekerja iaitu 63.0 peratus. Tahap kesihatan warga tua di kawasan kajian juga menunjukkan kebanyakan mereka mempunyai tahap kesihatan yang baik iaitu sebanyak 38.9 peratus.

Jadual 1 Profil sosio demografi responden di daerah Jerantut, Pahang

Ciri-ciri Sosio Demografi	Item	Jumlah (Bil.)	Peratus (%)
1. Jantina	Lelaki	19	35.2
	Perempuan	35	64.8
	JUMLAH	54	100
2. Kumpulan Umur	60-64 tahun	21	38.9
	65-69 tahun	11	20.4
	70-74 tahun	10	18.5
	75 tahun dan ke atas	12	22.2
	JUMLAH	54	100
3. Status Perkahwinan	Berkahwin (ada pasangan)	18	33.3
	Balu	25	46.3
	Duda	11	20.4
	JUMLAH	54	100
4. Taraf Pendidikan	Tidak pernah bersekolah	43	79.6
	Sekolah Rendah	8	14.8
	Sekolah Menengah	3	5.6
	JUMLAH	54	100
5. Pekerjaan	Bekerja Sendiri/ Kerja kampung/ Petani	12	22.2
	Pengawal Keselamatan	5	9.3
	Pesara	3	5.6
	Tidak Bekerja	34	63.0
	JUMLAH	54	100
6. Tahap Kesihatan	Lemah	17	31.5
	Sederhana	16	29.6
	Baik	21	38.9
	JUMLAH	54	100

Taburan Warga Tua yang Tinggal dengan Anak Lelaki

Hasil kajian melibatkan 54 warga tua yang tinggal dengan anak lelaki di daerah Jerantut sama ada anak lelaki yang telah berkahwin atau yang belum berkahwin. Terdapat dua keadaan warga tua yang tinggal dengan anak lelaki iaitu sama ada mereka masih sihat atau mengalami masalah kesihatan yang kronik seperti lumpuh dan memerlukan anak-anak untuk menguruskan diri mereka. Tinggal dengan anak lelaki juga melibatkan warga tua yang tinggal di rumah anak atau tinggal di rumah mereka sendiri.

Kajian dijalankan mendapati warga tua lelaki yang mempunyai tahap kesihatan yang lemah seperti kelumpuhan dan nyanyuk cenderung untuk tinggal dengan anak lelaki bongsu dan berhijrah ke rumah anak lelaki bongsu selepas kematian pasangan. Hasil kajian menunjukkan 8 warga tua lelaki (duda) tinggal di rumah anak lelaki bongsu setelah keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan. Dalam situasi ini, contohnya Responden 1 (lelaki, 80 tahun) yang sudah tua dan nyanyuk tinggal di rumah anak lelaki bongsu yang telah berkahwin. Responden 1 yang telah kematian isteri lapan tahun yang lalu tinggal di rumah anak lelaki bongsu sejak enam tahun yang lalu setelah mengalami nyanyuk dan keuzuran. Anak lelaki bongsu yang diharapkan untuk menguruskan Responden 1, sambil dibantu oleh menantu beliau. Menurut Ogawa dan Retherford (1993) apabila seseorang anak perlu menjaga ibu bapa mereka yang sudah tua, maka anak berkenaan perlu memikirkan tentang penjagaan termasuk status ekonomi serta bersedia dari segi kekuatan emosi, fizikal dan mental terutama dalam menghadapi situasi warga tua yang uzur dan nyanyuk.

Walau bagaimanapun, situasi yang disebutkan sebelumnya, berbeza dengan warga tua wanita yang tinggal dengan anak lelaki. Hasil kajian menunjukkan bagi warga tua wanita yang mempunyai tahap kesihatan yang lemah seperti kelumpuhan dan sakit tua, mereka tinggal dengan anak dewasa lelaki dan berhijrah ke rumah anak lelaki dewasa selepas kematian pasangan. Contohnya, Responden 2 (wanita, 80

tahun) yang menghidap angin ahmar tinggal di rumah anak lelaki dewasa dan dijaga baik oleh menantu dan cucu beliau dalam pengurusan diri seperti makan, mandi dan sebagainya. Dalam kes lain, contohnya, Responden 3 (wanita, 92 tahun) mengalami sakit tua dan tidak dapat bergerak untuk pergi mandi, bangun dari katil, menyuap makanan dan sebagainya. Responden 3 tinggal di rumah anak lelaki yang sulung semenjak beliau sakit. Suami Responden 3 telah lama meninggal sejak lebih dua dekad yang lalu. Menantu perempuan dan cucu yang tinggal bersama turut sama-sama menjaga dan menguruskan Responden 3.

Bagi warga tua yang mempunyai tahap kesihatan yang baik dan sederhana, mereka lebih selesa tinggal di rumah sendiri, tanpa perlu memikirkan untuk berhijrah ke rumah anak-anak. Bagi warga tua lelaki yang sihat, mereka cenderung untuk tinggal dengan anak lelaki dewasa, berbeza dengan warga tua wanita yang sihat akan tinggal dengan anak lelaki bongsu dan yang belum berkahwin. Contohnya, kajian mendapati sebanyak 6.7 peratus warga tua yang tinggal dengan anak yang belum berkahwin sahaja. Ianya dimonopoli oleh warga tua wanita iaitu sebanyak 10 peratus atau 18 warga tua yang tinggal dengan anak bongsu yang masih belum berkahwin. Anak yang belum berkahwin dipertanggungjawabkan untuk tinggal dengan ibu tua sebagai peneman dan biasanya anak lelaki bongsu yang tinggal dengan ibu selepas kematian bapa dan mereka terpaksa bekerja kampung seperti menoreh getah bagi menambah pendapatan dan meringankan beban ibu yang tinggal bersama.

Faktor Warga Tua Tinggal dengan Anak Lelaki

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang warga tua itu terpaksa tinggal di rumah anak, antaranya adalah faktor kesihatan. Atas sebab faktor kesihatan ibu bapa yang lemah dan uzur, maka anak-anak terpaksa membawa ibu bapa tua untuk tinggal bersama di rumah anak-anak supaya senang bagi mereka menguruskan ibu bapa yang terlantar dan juga yang mengalami nyanyuk. Menurut Stancliffe et al. (2011), bagi warga tua yang tidak berkeupayaan ataupun mempunyai penyakit kronik, tidak mempunyai hak memilih untuk tinggal seorang diri dan mereka perlu tinggal dengan keluarga atau institusi kebajikan kerana mereka bergantung kepada individu lain untuk menguruskan diri seperti makan, mandi, menyediakan pakaian dan pemantauan pengambilan ubat-ubatan. Keadaan ini memerlukan mereka sentiasa dipantau dan sentiasa memerlukan pertolongan untuk bangun dari katil, mandi, makan, menyuap makanan dan sebagainya. Keadaan ini juga berlaku kepada warga tua yang tinggal seorang diri dan selepas kematian pasangan, maka mereka terpaksa akur untuk mengikut anak untuk tinggal di rumah anak bersama menantu dan cucu.

Terdapat juga warga tua yang tinggal di rumah anak mereka apabila sudah tidak lagi mampu untuk menguruskan diri akibat kelumpuhan dan juga nyanyuk. Biasanya anak dewasa yang mengambil peranan untuk menjaga ibu bapa yang telah uzur di rumah mereka. Ibu bapa yang uzur terpaksa akur dengan keputusan anak untuk tinggal di rumah mereka (anak lelaki). Kajian menunjukkan anak bongsu yang telah berkahwin mengambil keputusan untuk tinggal di rumah ibu bapa mereka kerana tidak sanggup membiarkan ibu atau bapa mereka untuk tinggal seorang diri. Anak yang telah berkahwin yang mengambil keputusan untuk tinggal dengan ibu bapa mereka biasanya mereka tidak mempunyai rumah lagi.

Anak Lelaki Sebagai Sumber Kewangan Kepada Warga Tua

Bagi warga tua yang sihat dan masih mampu bekerja mereka tentunya tidak mempunyai masalah dalam menjana pendapatan bagi meneruskan kehidupan, begitu juga dengan warga tua yang mempunyai sumber kewangan seperti pencen. Walaubagaimanapun, bagi warga tua yang tidak bekerja kerana uzur, terutama warga tua wanita, anak-anak merupakan sumber kewangan yang diharapkan mereka. Kajian ini meneliti peranan anak lelaki sebagai sumber kewangan kepada warga tua di kawasan kajian, sama ada warga tua yang terlantar sakit atau warga tua yang masih lagi sihat. Hasil kajian mendapati, anak-anak yang berperanan menanggung segala perbelanjaan ibu bapa mereka seperti membeli barangan dapur, membeli barangan keperluan diri warga tua (lampin pakai buang, ubat-ubatan, peralatan kesihatan) dan juga membayar bil utiliti semasa. Ini menunjukkan warga tua yang tidak mampu bekerja seharusnya dibantu oleh pihak tertentu bagi menjamin kehidupan golongan tersebut dapat diteruskan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup ke arah kehidupan yang dinamik dan produktif. Kajian di Malaysia mendapati

kebanyakan warga tua tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk kegunaan pada usia tua mereka, dan mereka terpaksa mengharap ahli keluarga iaitu anak-anak untuk memberikan bantuan kewangan kepada mereka pada setiap bulan (Tan & Ng, 2000).

Peranan Anak Lelaki dalam Penjagaan Kesihatan Warga Tua

Dalam memenuhi temujanji atau untuk mendapatkan rawatan, persoalan mengenai siapa yang membawa dan menemani warga tua adalah penting. Bagi warga tua yang masih lagi sihat dan boleh memandu kenderaan, mereka boleh pergi sendiri ke hospital atau klinik bagi mendapatkan rawatan. Bagi warga tua yang tidak mempunyai kenderaan atau uzur, semestinya mereka perlu dibawa dan ditemani oleh orang lain seperti pasangan, anak-anak, cucu atau jiran terdekat. Kajian mendapati, peranan anak lelaki membawa dan menemani ibu bapa mereka mendapatkan rawatan patut dipuji. Keadaan ini menunjukkan, peranan anak lelaki di kawasan kajian dalam membantu warga tua mendapatkan rawatan atau memenuhi temujanji yang telah diatitkan pihak hospital.

Pengambilan ubat secara teratur mengikut preskripsi doktor menggambarkan disiplin diri warga tua dalam menjaga dan mengawal tahap kesihatan. Hasil kajian mendapati, warga tua menunjukkan disiplin diri yang tinggi dalam pengambilan ubat mengikut preskripsi doktor. Mereka mengambil ubat mengikut masa dan dos seperti yang telah disyorkan oleh doktor. Warga tua yang mengalami masalah penglihatan dan buta huruf, mereka dibantu oleh anak-anak untuk memantau mereka mengambil ubat mengikut dos seperti yang disarankan. Contohnya, Responden 4 (wanita, 81 tahun) yang mempunyai masalah penglihatan dibantu oleh anak lelaki untuk mengambil ubat seperti yang disyorkan doktor. Responden 4 yang tinggal dengan anak lelaki, membolehkan anak beliau sentiasa memantau tahap kesihatan beliau. Sekiranya warga tua menghadapi masalah penglihatan, anak mengakibatkan kesukaran mereka dalam melakukan aktiviti kehidupan seharian dan memberi kesan terhadap kualiti hidup mereka (Rokiah et al., 2011). Justeru itu, peranan anak-anak adalah sangat penting dalam membantu warga tua bagi sama-sama menjaga dan memantau tahap kesihatan mereka dan juga melakukan aktiviti harian yang lain.

Fenomena yang dibincangkan sebelumnya, menunjukkan sememangnya tahap kesihatan amat mempengaruhi pengaturan kehidupan warga tua Melayu di daerah Jerantut, Pahang. Indikator tahap kesihatan yang dialami oleh seseorang warga tua akan menentukan keputusan dan pemilihan mereka sama ada untuk tinggal seorang diri, tinggal dengan pasangan atau tinggal dengan anak (sama ada berhijrah ke rumah anak, atau anak-anak terpaksa berhijrah ke rumah ibu bapa). Kajian di China juga menunjukkan tahap kesihatan amat mempengaruhi corak pengaturan kehidupan warga tua untuk tinggal dengan anak sama ada anak lelaki atau anak perempuan (Bin & Sheying, 2010). Kajian di Indonesia, Singapura dan Taiwan juga menemukan faktor kesihatan sebagai indikator penting dalam pemilihan corak pengaturan kehidupan warga tua (Frankenberg, Angelique, & Ofstedal, 2002).

Kebaikan Warga Tua yang Tinggal bersama Anak Lelaki

Terdapat pelbagai kebaikan ataupun kelebihan bagi warga tua yang tinggal bersama anak tidak kira sama ada tinggal di rumah mereka (ibu bapa) ataupun tinggal di rumah anak mereka sendiri. Apabila warga tua tinggal bersama anak, maka sokongan dari segi kewangan akan disediakan oleh anak berkenaan serta keperluan harian warga tua tersebut dibereskan oleh anak-anak. Sekiranya tinggal bersama anak, warga tua berkenaan juga akan dijaga dengan baik oleh anak-anak terutamanya bagi warga tua yang mempunyai tahap kesihatan yang lemah dan memerlukan pertolongan untuk menguruskan diri (DaVanzo & Angelique, 1994). Di samping itu juga adalah menjadi tanggungjawab anak atau ahli keluarga untuk menjaga warga tua dan juga menjaga kesihatan mereka (Hateley & Tan, 2003).

Bagi warga tua yang masih sihat dan tinggal bersama anak dan mempunyai cucu, warga tua biasanya berperanan sebagai pengasuh tidak rasmi terutamanya apabila ibu kanak-kanak berkenaan keluar bekerja. Situasi ini menunjukkan proses timbal balik peranan penjagaan apabila tinggal bersama. Ianya bukan sahaja anak-anak yang menjaga dan menyediakan segala keperluan ibu bapa yang tinggal bersama, malah ibu bapa juga berperanan sebagai penjaga kepada cucu dan fenomena ini merupakan perkara biasa seperti yang berlaku di negara Asia seperti Thailand dan Malaysia (Knodel & Chayovan, 2012). Ianya dapat menjimatkan kos menghantar anak ke rumah pengasuh lain dan keselamatan anak-anak lebih terjamin. Bagi warga tua yang sihat yang tinggal dengan anak, biasanya mereka akan menjaga cucu

apabila menantu perempuan keluar bekerja. Contohnya, responden 5 (wanita, 64 tahun) yang masih lagi sihat, berperanan menjaga cucu sementara anak dan menantu keluar bekerja (menoreh getah). Ianya dapat menjimatkan kos untuk menghantar anak kepada pengasuh lain, tambahan pula Responden 5 hanya menjaga cucu untuk tempoh yang sekejap iaitu empat jam bermula dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Kajian di Eropah Barat menunjukkan nenek atau datuk berperanan sebagai penjaga rasmi dan cucu akan tinggal dengan mereka sama ada setiap hari atau seminggu sekali ketika ibu bapa keluar bekerja (Koslowski, 2009). Sama seperti yang halnya kajian yang dijalankan oleh Suriati (2002) di Pulau Pinang yang mendapati warga tua mengambil alih peranan sebagai pengasuh ataupun penjaga kepada anak-anak berkenaan apabila anak perempuan mereka keluar bekerja. Menurut Suriati (2002) lagi, fenomena warga tua atau ibu bapa menjaga cucu adalah fenomena pada masa kini dan didapati 45 peratus keluarga di kampung-kampung pinggir bandar Pulau Pinang yang dikaji menggunakan khidmat ibu bapa untuk menjaga cucu.

KESIMPULAN

Perbincangan mengenai pengaturan kehidupan warga tua membolehkan kesimpulan dibuat iaitu peranan anak-anak dan ahli keluarga amat penting bagi kesejahteraan hidup warga tua. Sokongan emosi daripada anak-anak dan ahli keluarga amat berperanan penting dalam mempengaruhi kesihatan emosi dan fizikal warga tua. Anak-anak juga dikatakan sebagai sumber utama bagi warga tua untuk mendapatkan sumber kewangan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab anak-anak untuk menjaga ibu bapa tua dan sokongan keluarga juga adalah unsur yang utama dalam pengaturan kehidupan warga tua. Warga tua yang sakit dan uzur perlu akur untuk tinggal dengan anak, sama ada tinggal di rumah anak atau anak-anak perlu berhijrah ke rumah ibu bapa. Sekiranya tinggal bersama anak, kehidupan mereka akan lebih terurus dengan penjagaan dan pengurusan oleh anak-anak, menantu dan cucu.

Hasil kajian menunjukkan rata-rata warga tua di kawasan kajian masih mendapat sokongan daripada ahli keluarga terutamanya anak-anak. Fenomena ini, bertepatan dengan budaya masyarakat negara Asia terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman yang menunjukkan anak-anak merupakan sokongan utama kepada warga tua. Ahli keluarga pula, perlulah sentiasa melindungi warga tua demi keselamatan mereka memandangkan keadaan mereka yang lemah. Tinggal bersama anak-anak ataupun ahli keluarga lain merupakan corak pengaturan kehidupan warga tua pada masa kini.

Sokongan dan peranan yang dimainkan anak lelaki dalam kawasan kajian juga menunjukkan konsep “kenang budi” yang sering diterapkan dalam budaya masyarakat Melayu supaya sentiasa menghormati dan menjaga warga tua (Wan Ibrahim & Zainab, 2014). Menurut Phillips (1992) masyarakat Melayu, dari segi budaya dan agama, anak-anak haruslah menjaga ibu bapa mereka secara sepenuhnya dan bukan mengharapkan pihak lain untuk menggalas tanggungjawab tersebut. Sokongan yang ditonjolkan anak-anak di kawasan kajian juga menunjukkan ianya bertepatan konsep *filial piety* yang sering diterapkan dalam budaya masyarakat Cina. Konsep *filial piety* menunjukkan sikap tanggungjawab, menghormati, sanggup berkorban dan juga mengamalkan keluarga harmoni dalam kalangan anak-anak kepada ibu bapa mereka (Kyu, 2000). Konsep *filial piety* yang menggambarkan budaya masyarakat yang tinggal di China, Jepun dan juga Korea bagi menggambarkan sikap tanggungjawab dan berbakti kepada ibu bapa (warga tua) mereka (Aris & Evi Nurvidiya, 2009; Martin, 1990).

RUJUKAN

- Aris, A. & Eri Nurvidya, A. (2009). Older persons in Southeast Asia: From liability to asset. Eri Nurridya Arifin & Aris Ananta. (ed). *Older person in Southeast Asia: An emerging asset* (pp. 3-46). Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Bin, L. & Sheying, C. (2011). Aging, living arrangements, and housing in China. *Ageing International*. 36, 463–474.
- Chow, N.W.S. (2000). Ageing in Hong Kong. Phillips, D.R. (ed). *Ageing in the Asia-Pacific Region: Issues, policies and future trend* (pp 158-173). New York: Routledge, Taylor & Francis Group.

- Dahlan, A., Nicol, M. & Maciver, D. (2010). Elements of life satisfaction amongst elderly people living in institutions in Malaysia: A mixed methodology approach. *Hong Kong Journal of Occupational Therapy*. 20 (2), 71-79.
- DaVanzo, J & Angelique, C. (1994). Living arrangements of older Malaysians: Who coresides with their adult children?. *Demography*, 31(1), 95-113.
- Domingo, L. J. & Casterline, J. B. (1992). Living arrangements of the Filipino elderly. *Asia-Pacific Population Journal*. 7 (3), 63-88.
- Frankenberg, E., Angelique, C. & Ofstedal, M. B. (2002). Stability and change in living arrangements in Indonesia, Singapore and Taiwan, 1993-1999. *Population Studies*. 56 (2), 201-213.
- Glaser, K. (1997). The living arrangements of elderly people. *Reviews in Clinical Gerontology*. 7, 63-72.
- Hateley, L. & Tan, G. (2003). *The Greying of Asia: Causes and Consequences of Rapid Ageing in Asia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Khadijah, A. (2012). *Dilema penjagaan ibu bapa tua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah, A. & Rahim, M. S. (2010). Peranan wanita melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia*. 28 (2), 71-105.
- Knodel, J. & Chayovan, N. (2012). Inter-generational family care for and by older people in Thailand. *International Journal of Sociology and Social Policy*. 32 (11), 682-694.
- Koslowski, A. S. (2009). Grandparents and the care of their children. Stillwell, J., Coast, E. & Knelae, D. (eds). *Fertility, living arrangements, care and mobility: Understanding population trend and processes* (pp. 171-210). New York: Springer.
- Kyu, T, S. (2000). An asian perspective on aging east and west: Filial piety and changing families. Bengtson, V. L., Kim, K. D., Myers, G. C. & Ki, S. E. (eds). *Aging in East and West: Families, States, and the Elderly* (pp 41-56). New York: Springer Publishing Company.
- Li, J. L. & Qiang, G. (2007). Loneliness and health-related quality of life for the empty nest elderly in the rural area of a mountainous country in China. *Quality of Life Research*. (16). Springer: 1275-1280
- Mai, R., Naderi, R. & Schimany, P. (2008). Who should take care of them: Expectations placed on the welfare state and their influence on attitudes towards care for the elderly. Hon, C., Avramov, D. & Kotowska, I. E. (eds). *People, Population Changes and Policies*. (pp 45-64). Springer.
- Martin, L.G. (1990). The status of South Asia's growing elderly population. *Journal of Cross-Cultural Gerontology*. 5(2), 93-117.
- Mason, K. O. (1992). Family change and support of the elderly in Asia: What do we know. *Asia-Pacific Population Journal*. 7 (3), 13-32.
- Nugent, J.B., Gillaspay, R.T., 1983. Old-age pensions and fertility in rural areas of less developed countries: Some evidence from Mexico. *Economic development and cultural change* 31, 809-830.
- Ogawa, N. & Retherford, R. D. (1993). Care of the elderly in Japan: Norms and expectations. *Journal of Marriage and the Family*. 55, 585-597.
- Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut. (2013). Peta dan Keluasan. <http://pdtjerantut.pahang.gov.my/index.php/profail-daerah/latarbelakang/peta-keluasan>, tarikh dilayari: 2 Julai 2013.
- Phillips, D. (1992). East and South-east Asia: Issues of ageing in the region. Phillips, D. R (ed). *Ageing in East and South-East Asia* (pp 1-21). Britain: Edward Arnold.
- Rittirong, J., Prasartkul, P. & Rindfuss, R. R. (2014). From whom do older persons prefer support? The case of rural Thailand. *Journal of Aging Studies*. 31, 171-181.
- Rokiah, O., Victor, F. K., Nur Zakiah, M.S., Sazlina, K. & Sharifah, S.A. (2011). Gangguan penglihatan dan kualiti hidup warga emas di pusat jagaan. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*. 9 (1), 23-27.
- Ruggles, S. (2001). Living arrangements and well-being of older persons in the past. *Living arrangements of older persons: Critical issues and policy responses* (pp 111-151). New York: United Nations.
- Sereny, M. (2011). Living arrangements of older adults in China: The interplay among preferences, realities, and health. *Research on Aging*. 33 (2), 172-204.
- Stancliffe, R. J, Lakin, K. C., Larson, S., Engler, J., Taub, S., & Fortune, J. (2011). Choices of Living Arrangements. *Journal of Intellectual Disability Research*. 55 (8), 746-762.
- Suriati Ghazali. (2002). *Di mana mak, ayah?: Agihan tugas baru kesan pemodenan dan perindustrian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Tan, P.C. (1992). Implications of changing family structure on old-age support in the ESCAP Region. *Asia-Pacific Population Journal*. 7 (2), 49-66.
- Tan, P. C & Ng, S.T. (2000). Ageing in Malaysia: Issues and Policies. Phillips, D.R. (eds). *Ageing in the Asia-Pacific Region: Issues, Policies and Future Trend*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group: 284-298.
- United Nations. (2001). *Living Arrangements of Older Persons: Critical Issues and Policy Responses*. Special Issues Nos 42/43 2001. New York: Population Division Department of Economic and Social Affairs.

- Wan Ibrahim,W.A. & Zainab,I. (2010). Mengenalı warga tua desa Malaysia: Profil Sosial dan pengaturan tempat kediaman. *Journal of Governance and Development*. 6, 22-39.
- Wan Norsiah, M. (2000). Kecenderungan anak dewasa tinggal bersama ibu bapa. Abdul Aziz ,J. Rahimah,A.A. & Lukman Z. M. (ed). *Warga tua: Isu dan fenomena*. (pp 115-122). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,.
- Wan Ibrahim ,W.A. & Zainab,I. (2014). The availability of family support of rural elderly in Malaysia *World Applied Sciences Journal*. 30 (7), 899-902.
- Wu, Z & Schimmele, C. M. (2008). Living arrangements and psychological disposition of the oldest old population in China: Demographic, Socioeconomic, and Psychological Dimensions. In Y. Zeng, D. L. Poston, Jr., D. A. Vlosky and D. Gu. Dordrecht, *Healthy in China* (pp 197-213). The Netherlands, Springer Publisher.